

Dr Mahathir hadir majlis angkat sumpah Presiden Indonesia

Jakarta: Tun Dr Mahathir Mohamad antara 17 pemimpin dan ketua negara menghadiri majlis mengangkat sumpah Joko Widodo sebagai Presiden Indonesia bagi penggal kedua, di sini semalam.

Perdana Menteri yang ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, hadir pada majlis yang berlangsung di bangunan Parlimen Indonesia itu yang turut menyaksikan Ma'aruf Amin, 76, mengangkat sumpah Naib Presiden.

Pemimpin dan ketua negara lain yang hadir ialah Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong; Perdana Menteri Australia, Scott Morrison dan Per-

dana Menteri Kemboja, Hun Sen.

Kehadiran Dr Mahathir ke majlis berkenaan adalah manifestasi kekukuhan hubungan akrab kedua-dua pemimpin dan negara dengan pelantikan Jokowi untuk penggal kedua akan membawa lembaran baharu dalam mengukuhkan lagi hubungan Malaysia-Indonesia.

Jokowi kekal memimpin negara demokrasi ketiga terbesar dunia itu bagi penggal kedua selepas menang pilihan raya Presiden 2019 pada 17 April lalu.

Beliau bergandingan dengan Ma'aruf menewaskan pencabar mereka, pasangan Prabowo Subianto dan Sandiaga Uno.

BERNAMA



Dr Mahathir pada majlis pelantikan Jokowi sebagai Presiden Indonesia di Jakarta, semalam.

(Foto REUTERS)